

**KAUM ‘JAWI PERANAKAN’ DI PULAU PINANG: ISU-ISU BUDAYA DALAM
KONTEKS PEMBENTUKAN MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA**

OLEH

OMAR BIN YUSOFF

**Tesis Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Sarjana Sains
Kemasyarakatan**

2005

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnianya penyelidikan ini dapat disempurnakan. Di sepanjang menghasilkan tesis sarjana ini, banyak pihak telah memberi kerjasama dan dorongan yang dianggap amat bermilai kepada saya. Tanpa adanya kerjasama dan dorongan tidak mungkin tesis sarjana ini dapat dihasilkan. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, iaitu Dr. Chin Yee Whah, yang telah banyak mengorbankan masa untuk membimbang dan sentiasa memberi dorongan kepada saya bagi menyiapkan tesis sarjana ini. Kepada beliau saya amat terhutang budi di atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan kerjasama yang telah diberikan. Tanpanya saya percaya tesis ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada bekas penyelia saya, iaitu Profesor Wazir Jahan Karim yang telah banyak membantu saya dari peringkat permulaan hingga ke peringkat akhir penyelidikan ini dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan rasa terima kasih yang teramat kepada Profesor Madya Abdul Rahim bin Ibrahim, Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, yang tidak jemu-jemu memotivasi diri saya dan sering memberi teguran positif untuk kejayaan akademik saya. Segala jasa yang diberikan oleh beliau kepada saya akan saya kenang sehingga ke akhir hayat. Begitu juga dengan Dr. Kntayya Mariappan yang telah banyak memberikan idea serta galakan kepada saya bagi menjayakan penyelidikan ini. Kepada beliau, saya juga ingin mengucapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga. Ucapan terima kasih yang teramat turut juga diucapkan kepada Profesor Judith. A. Nagata, Jabatan Antropologi, York University, Toronto, Canada, yang turut memberikan pandangan kepada saya mengenai perkembangan kaum India Muslim di Pulau Pinang, ketika beliau menghadiri pembentangan usul penyelidikan saya di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Pulau Pinang.

Ucapan terima kasih yang teramat turut juga diucapkan kepada Haji Mohd. Ismail Merican (kini telah kembali Kerahmatullah) dan isterinya Hajjah Hamidah Bee @ Azizah, Mohd. Tajudeen Merican, Tunku Ismail bin Tunku Abdullah, Yusof A. Zainol Abidin, dan Arshad bin Seenu di atas segala maklumat yang diberikan mengenai riwayat hidup Kapitan Keling dan bantuan-bantuan lain mengenai perkembangan kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang. Begitu juga dengan Yang. Berbahagia Dato’ Haji Yusof Latif, Pengurus, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Yang. Berbahagia Dato’ Haji Azmi Merican (DSPN, AMN, DJN, PKT, PJK, PJM), Setiausaha Eksekutif, Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Dato’ Haji Shaik Allaudin Ismail (DSPN, AMN, PPN, PJM, JP) (kini telah kembali Kerahmatullah), Nasir Khan bin Habib Mohd, Ketua Pemuda UMNO Cawangan Jalan York, Pulau Pinang, Yusoff Azmi bin Zachariah Merican, Haji Mohd. Azman bin Haji Mohd. Ali (AMN, PK), Haji Mohd. Abbas bin Yusof, Haji Yaacob bin Ibrahim, Daud bin Ibrahim, Mohd. Idris Sheik Sulaiman, Abdul Rahim bin Kader Sultan dan Yamustafa Ismail di atas segala maklumat yang diberikan mengenai perkembangan dan kebudayaan kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini. Tanpa bantuan dan sokongan daripada mereka sudah tentu penyelidikan ini tidak dapat disiapkan.

Ucapan terima kasih yang teramat turut juga diucapkan kepada Pihak Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, di atas galakan dan peluang yang sentiasa diberikan kepada kakitangan bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Tanpa galakan dan peluang yang diberikan tidak mungkin saya dapat melanjutkan pelajaran saya hingga ke peringkat sarjana. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Noor Ida Yang Rashdi (Bekas Ketua Pustakawan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), Datin Hajjah Masrah Haji Abidin (Pemangku Ketua Pustakawan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang) dan Ramli Abdul Samad (Bekas Ketua Bahagian Malaysiana Dan Arkib, Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang), yang tidak jemu-jemu memberi dorongan kepada saya sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Tidak dilupakan kepada semua kakitanganan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan. Kepada rakan-rakan seperjuangan, Azlan Mohamad, Zikri Mohamad, Sakinah Abu Bakar dan Parthiben, terima kasih di atas sokongan moral, kerjasama dan pengalaman yang dilalui bersama. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang teristimewa kepada ibu saya, Syarifah Asma Emirya bt Syed Ahmad Habshi yang telah banyak berkorban, mendorong dan menggalakkan saya untuk meneruskan cita-cita inurni ini. Kepada anak-anak saudara saya, Yildhrim, Yusrina dan Yashfa selamat menempuh alam remaja.

OMAR YUSOFF
2005

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

ii-iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

SENARAI JADUAL

vii

SENARAI PETA

viii

SENARAI RAJAH

ix

SENARAI GAMBAR FOTO

x-xi

SENARAI SINGKATAN

xii

LAMPIRAN

xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1

1.1: Pengenalan

1-4

1.2: Pernyataan Dan Persoalan Kajian

4-5

1.3: Objektif Kajian

6

1.4: Skop Kajian

6-7

1.5: Kerangka Teoritis

7-19

1.6: Konsep-Konsep

19

 1.6.1: Budaya

20-22

 1.6.2: ‘*Jawi Pekan*’

23-24

1.6.3: ‘ <i>Jawi Peranakan</i> ’	24-25
1.6.4: ‘Melayu’	25-29:
1.7: Kaedah Penyeldikan	30-32
1.7.1: Unit Penganalisisan	32-33
1.7.2: Kerja Lapangan	33
1.7.3: Strategi Penyelidikan	34-34
1.7.4: Instrumen Kajian	34
1.7.5: Populasi Dan Sampel Kajian	34-36
1.7.6: Pengumpulan Data	36-39
1.7.7: Analisis Data	40
1.7.8: Batasan Kajian	40-42
1.8: Persembahan Kajian	43-44
1.9: Ulasan	44
 BAB 2: SOROTAN KAJIAN	 45
2.1: Pengenalan	45
2.2: Kajian-Kajian Lepas Tentang Masyarakat Malaysia	45-50
2.3: Sejarah Pembentukan Kaum ‘ <i>Jawi Peranakan</i> ’ Di Pulau Pinang	50-61
2.4: Ulasan	62-63
 BAB 3: RIWAYAT HIDUP PENGASAS KEPADA PEMBENTUKAN GOLONGAN ‘JAWI PERANAKAN’ DI PULAU PINANG	 64
3.1: Pengenalan	64-65
3.2: Riwayat Hidup Kapitan Keling	66
3.2.1: Latar Belakang Kapitan Keling	66-68
3.2.2: Tujuan Penghijrah Ke Pulau Pinang	69-72
3.2.3: Penglibatan Kapitan Keling Dalam Aktiviti Perdagangan	72-74
3.2.4: Keadaan Pulau Pinang Selepas Kedatangan British Dan Perlantikan Cauder Moheedin Merican Sebagai Kapitan Keling	74-79
3.2.5: Perkahwinan Kapitan Keling	79-84
3.2.6: Riwayat Hidup Isteri Pertama Kapitan Keling	84-92

3.2.7: Perbezaan Nama Keluarga Antara Keluarga Kapitan Keling Dengan Muhammad Noordin Merican	92-93
3.3: Generasi Kepada Kapitan Keling	93-94
3.3.1: Asal-Usul Keturunan Haji Mohd. Ismail Merican	94-96
3.4: Kapitan Keling Dan Generasinya Ke Arah Berlakunya Pertembungan Budaya	96-105
3.5: Ulasan	105-106
 BAB 4: KEBUDAYAAN KAUM ‘JAWI PERANAKAN’ DI PULAU PINANG PADA MASA KINI	107
4.1: Pengenalan	107
4.2: Budaya Bukan Material	107-108
4.2.1: Bahasa	108-119
4.2.2: Institusi Kekeluargaan	119-133
4.2.3: Adat Perkahwinan	133-146
4.2.4: Adat Resam Bersalin	145-153
4.2.5: Sistem Kepercayaan	153-161
4.2.6: Makanan Dan Pemakanan	162-168
4.3: Budaya Material	168-169
4.3.1: Pakaian	169-177
4.3.2: Boria	177-183
4.4: Ulasan	183-184
 BAB 5: PENUTUP DAN PERBINCANGAN	185
5.1: Rumusan Dapatan Kajian	185-189
5.2: Identiti Sebenar Kaum ‘Jawi Peranakan’ Di Pulau Pinang Pada Masa Kini	189-193
5.3: Masa Depan Kaum ‘Jawi Peranakan’ Di Pulau Pinang	193-195
BIBLIOGRAFI	196-203

KAUM ‘JAWI PERANAKAN’ DI PULAU PINANG: ISU-ISU BUDAYA DALAM KONTEKS PEMBENTUKAN MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini yang bertumpu kepada kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang, cuba memaparkan bagaimana proses etnogenisis yang berlaku sejak daripada generasi ketiga atau lebih ke atas kaum peranakan ini telah memberi kesan ke atas kebudayaan mereka yang pada asasnya dikatakan berbeza daripada kebudayaan kaum India Muslim dan Melayu. Namun, secara perlahan-lahan mengadaptasikan sosio-politik kebudayaan Melayu yang dominan sehingga membentuk identiti dan nilai-nilai murni kaum Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Perkembangan sedemikian tidak menjadi mustahil disebabkan kaum peranakan ini bukan sahaja cenderung ke atas ciri-ciri sosial yang lebih digemari dan kebaikan yang diperoleh dari segi ekonomi, malah definisi ‘Melayu’ itu sendiri mempunyai ciri-ciri positif bagi menyerapkan komuniti ini dengan masyarakat Muslim untuk membentuk satu hubungan yang lebih erat di antara Islam dan etnisiti. Ekoran daripada itu, proses etnogenisis boleh memberi kesan negatif ke atas kejadian diri kerana melalui proses asimilasi ia berupaya memusnahkan identiti kaum peranakan ini yang telah terbentuk lebih daripada tiga generasi. Oleh itu, etnogenisis harus didefinisikan semula berdasarkan kepada masa dan konteks sebagai satu elemen yang boleh melemahkan identiti dan nilai dalam menuju pembangunan semula ke arah satu hubungan yang lebih erat dengan etnisiti Meiayu.

'Jawi Peranakan' Community In Penang: Cultural Issues in the Context of the Formation of a Plural Society in Malaysia

ABSTRACT

This study of the 'Jawi Peranakan' in Penang attempts to show that over three generations or more, processes of ethnogenesis have developed the community into a hybrid culture, significantly different from Indian Muslim or Malay but gradually adopting the dominant Malay culture socially and politically to a point of assuming Malay identity and values. This has been made possible, not only because of strong social preference and economic benefits but because the Malay identity is politically defined to absorb hybrid populations and communities which are Muslim or which favour a link between Islam and ethnicity. The process of ethnogenesis however is self-destructive since assimilation weakens the identity of hybrid cultures created over three generations or more. Ethnogenesis then has to be redefined in time and context as a form of deconstruction of identity and values moving rapidly towards reconstruction into a stronger relationship with the dominant ethnicity but sometimes assuming a 'self-defined superiority' when economic and political advantage has been achieved. Despite calling themselves as 'Malay', they then proceed to attribute this to their origins from a superior 'bio-social' type (Indian, Arab) which cannot be empirically proven. This form of reference of 'sameness' and 'difference' becomes a self-defensive mechanism to enjoy the advantageous of both cultures and effects the selection of life-partners, business partners, friendship, friend networks and client. Eventually, the process of ethnogenesis evolves into class and political structures and community becomes disparate and resembles the dominant.

SENARAI JADUAL

JADUAL 2.1: Jumlah Etnik Imigran Dan Penduduk Melayu
Pulau Pinang Tahun 1833

57

JADUAL 4.1: Perbandingan Istilah Kekerabatan (*kinship*) Yang
Digunakan Oleh Komuniti India Muslim, ‘*Jawi
Peranakan*’ Dan Melayu

131-132

SENARAI PETA

PETA 1.1: Pulau Pinang	8
PETA 3.1: India Selatan	68
PETA 3.2: Pulau Pinang (Tahun 1803)	71
PETA 3.3: Kota Kuala Muda, Kedah	81
PETA 3.4: Pulau Pinang (kawasan Batu Uban Dan Sungai Nibung)	86

SENARAI RAJAH

RAJAH 1.1: Kerangka Kaedah Penyelidikan	31
RAJAH 3.1: Susur Galur Keturunan Haji Mohd. Ismail Merican	97
RAJAH 3.2: Sistem Eksogami	101
RAJAH 3.3: Sistem Endogami	103

SENARAI GAMBAR FOTO

GAMBAR FOTO 3.1: Haji Mohd. Ismail Merican (Memenangi Tempat Pertama Dalam Pertandingan Pakaian Melayu Pada Tahun 1970)	67
GAMBAR FOTO 3.2: Cucu-Cicit Kapitan Keling	73
GAMBAR FOTO 3.3: Rupabentuk Bangunan Masjid Kapitan Keling Di Pulau Pinang Bercirikan Kebudayaan India	78
GAMBAR FOTO 3.4: Ahmad Osman Sah Merican	87
GAMBAR FOTO 3.5: Rumah Makam Patheni Amma (Selepas Dibaiki Oleh Mohd. Tajudeen Merican)	89
GAMBAR FOTO 3.6: Makam Patheni Amma	90
GAMBAR FOTO 3.7: Che Din Merican Dan Isterinya Chootee Bee Berserta Haji Mohd. Ismail Merican Ketika Kecil	95
GAMBAR FOTO 4.1: Upacara Peminangan	139
GAMBAR FOTO 4.2: Upacara Merisik	140
GAMBAR FOTO 4.3: Upacara Suap Gula Dalam Majlis Pertunangan	142
GAMBAR FOTO 4.4: ‘Bunga Malei’ Yang Dikalungkan Ketengkok Pengantin Dalam Majlis Persandingan	143
GAMBAR FOTO 4.5: Upacara Melenggang Perut	148

GAMBAR FOTO 4.6: Upacara Melenggang Perut	150
GAMBAR FOTO 4.7: Upacara Melenggang Perut	151
GAMBAR FOTO 4.8: Kenduri Arwah Di Kalangan Kaum <i>'Jawi Peranakan'</i> Di Pulau Pinang	167
GAMBAR FOTO 4.9: Pakaian Ala Barat Yang Dipakai Oleh Kaum Lelaki <i>'Jawi Peranakan'</i> Di Pulau Pinang Pada Masa Dahulu	171
GAMBAR FOTO 4.10: Pakaian Harian Bagi Kaum Lelaki <i>'Jawi Peranakan'</i> Di Pulau Pinang Pada Masa Dahulu	172
GAMBAR FOTO 4.11: Baju Cekak Musang Yang Dipakai Oleh Kaum Lelaki <i>'Jawi Peranakan'</i> Di Pulau Pinang Pada Masa Dahulu	174
GAMBAR FOTO 4.12: Fesyen Pakaian Yang Dipakai Dalam Pertunjukan Boria Di Pulau Pinang Pada Tahun 1905	179

SENARAI SINGKATAN

DKA (Darah Keturunan Arab)

DKK (Darah Keturunan Keling)

LAMPIRAN

Lampiran Satu: Soalan-Soalan Temubual

Lampiran Dua: Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim 2001

Lampiran Tiga: Surat Perlantikan Haji Mohd. Ismail Merican Sebagai Trustee Kepada Harta Pusaka Kapitan Keling

Lampiran Empat: Surat Pengesahan Nama Sebenar Kapitan Keling

Lampiran Lima: Lot Kawasan Tanah Kapitan Keling Dan Masyarakat Islam (Geran No. 367)

Lampiran Enam: Surat Wasiat Yang Ditulis Oleh Kapitan Keling Mengenai Nama Anak-Anaknya

Lampiran Tujuh: Biografi Informan

Lampiran Lapan: Surat Kematian Salah Seorang Daripada Keturunan ‘*Jawi Peranakan*’ Yang Dikebumikan Di Tanah Perkuburan Masjid Jamek Hashim Yahya, Jalan Perak, Pulau Pinang

BAB SATU

1. PENDAHULUAN

1.1: Pengenalan

Kedudukan geografi Malaysia yang strategik dan peranannya dalam perkembangan sejarah dunia telah menyebabkan negara ini mempunyai komposisi penduduk yang unik. Walaupun negara ini merupakan sebuah negara kecil namun penduduknya terdiri daripada pelbagai keturunan, bangsa dan agama. Dengan perkataan lain, penduduk Malaysia merupakan satu masyarakat majmuk yang terdiri daripada beberapa masyarakat peribumi dan penghijrah. Salah satu ciri penting masyarakat majmuk di Malaysia adalah ideologi pluralismenya. Berdasarkan ideologi ini setiap kelompok etnik boleh mengekalkan identiti masing-masing dengan pelbagai cara. Demi mencapai ke arah sebuah masyarakat majmuk faktor etnik, agama dan kelas¹ merupakan faktor pengikat dan penjalin kerjasama di kalangan anggota masyarakatnya.²

Dalam putaran hubungan etnik bagi masyarakat majmuk pelbagai ikatan kesetiaan akan wujud. Terdapat ikatan mengikut garis etnik dan ada pula merentasi garis etnik. Bagi mengekalkan identiti etnik sempadan garis etnik yang diperkuuhkan adalah sesuatu yang penting kerana hubungan sosial antara golongan yang berlainan itu dilakukan

¹Konsep kelas yang dimaksudkan di sini merujuk kepada kumpulan manusia yang berada dalam kedudukan ekonomi yang sama, mempunyai peluang-peluang hidup yang sama dan mempunyai kepentingan ekonomi yang sama. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Sanusi Osman (1983: 37).

²Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Hirschman (1975) dan Lim (1980).

dalam konteks etnik. Dengan perkataan lain, hubungan inter-etnik tidak membawa makna yang jelas jika dilakukan dalam konteks yang bebas daripada ciri-ciri keetnikan. Justeru, dalam proses menuntut hak dan tempat dalam masyarakat berteraskan ideologi pluralisme, seseorang itu perlulah terlebih dahulu mengidentifikasi dirinya dengan sesuatu golongan etnik. Jika tidak tuntutan politik dan ekonomi yang dibuat tidak membawa makna sosial yang berkesan (Rahimah Abdul Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail 2000: 17).

Berdasarkan ideologi inilah di Malaysia terdapat sesetengah individu yang memilih beberapa ikatan kesetiaan untuk kebaikan dan kepentingan dirinya yang akhirnya akan mewujudkan etnisiti berlebihan. Dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia jenis-jenis ikatan kesetiaan etnik, agama dan kelas boleh wujud disebabkan beberapa dorongan tertentu. Sekiranya dorongan itu berubah besar kemungkinan ikatan kesetiaan mereka akan turut juga berubah. Antara dorongan yang paling kuat adalah keperluan mereka melindungi dan menambah hak seseorang individu terhadap kedudukan, kuasa dan kekayaan yang ada dalam sesuatu kumpulan terutamanya apa yang dimiliki oleh golongan dominan.

Dalam putaran hubungan etnik, di mana kumpulan-kumpulannya bersaing antara satu sama lain bagi merebut sumber kekayaan yang sama seruan-seruan menggunakan faktor etnik biasanya dengan mudah dapat mengumpulkan sokongan daripada anggota-anggota kumpulan etnik itu (Sanusi Osman 1984: 43). Oleh itu, dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk jika penekanan terlalu kuat kepada faktor etnik dalam persiangan antara kumpulan-kumpulan etnik yang berlebihan bagi merebut peluang-

peluang ekonomi dan kekuasaan politik secara langsung ia boleh mewujudkan asimilasi ataupun akulturasi secara paksaan³ mahupun secara sukarela yang akhirnya juga akan mendorong ke arah berlakunya perubahan budaya. Keadaan ini akan terus kekal selagi sesuatu kumpulan etnik dikatakan dapat memberi kemudahan, kebaikan dan keuntungan kepada anggota-anggotanya. Dengan memberi keuntungan dan memenuhi segala tuntutan anggota-anggotanya kumpulan etnik itu akan terus memperkuatkan perasaan etnik, identiti etnik dan sempadan kumpulannya,⁴ terutama bagi kaum peranakan di Malaysia.

Furnivall dalam teori masyarakat majmuknya menjelaskan bahawa “dalam masyarakat majmuk walaupun pelbagai kaum dikatakan berpecah-belah, namun terdapat tiga jenis hubungan yang mengikat mereka. Pertama ikatan normatif, ikatan ini merujuk kepada perkara-perkara seperti agama, kebudayaan, bahasa, pemikiran dan corak kehidupan pelbagai kaum itu sendiri. Kedua ikatan paksaan, dalam masyarakat majmuk walaupun mereka berada di bawah satu ‘unit politik yang sama’, tetapi ikatan yang wujud adalah bercorak paksaan. Akhir sekali ikatan ekonomi atau ‘utilitarian’. Dalam masyarakat majmuk hubungan inter-etnik boleh juga terjalin disebabkan faktor-faktor ekonomi” (Rex 1970: 20). Keadaan ini akan mendorong berlakunya proses asimilasi secara berterusan dalam corak kehidupan sesuatu kaum, yang akhirnya akan memberi kesan ke atas tradisi budaya yang diwarisi oleh mereka. Justeru, kajian etnogenisis⁵ ini akan mengenalpasti budaya sebenar yang diamalkan dalam corak kehidupan seharian kaum

³Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Hirschman (1986: 332).

⁴Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Vasil (1971).

⁵Berdasarkan *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (2002: 603), etnogenisis bermaksud cabang antropologi yang mengkaji tentang asal usul sesuatu kaum.

'Jawi Peranakan' di Pulau Pinang pada masa kini. Ini berikutan berlakunya proses asimilasi sejak sekian lama dalam corak kehidupan sehari-hari kaum peranakan ini di Pulau Pinang sebagai akibat daripada adanya perkahwinan campur antara lelaki India Muslim dengan wanita Melayu.

1.2: Pernyataan Dan Persoalan Kajian

Dipandang dari sudut perkembangan zuriat manusia sekiranya sesuatu bangsa yang banyak berkahwin campur generasi yang dilahirkan biasanya akan mewarisi pertumbuhan otak yang cerdas dan bijak (Amaluddin Darus 1988: 24). Walaupun kenyataan ini tidak dapat dibuktikan secara empirikal, tetapi ia dapat dilihat pada mana-mana kaum peranakan yang terdapat di Malaysia. Di Pulau Pinang misalnya, hasil daripada perkahwinan campur antara lelaki India-Muslim dengan wanita Melayu, maka terbentuklah satu keturunan baru yang dikenali sebagai *'Jawi Peranakan'* (dahulunya dikenali sebagai *'Jawi Pekan'*). Kaum peranakan ini dikatakan lebih cerdas, lebih cemerlang dalam pelajaran dan mempunyai daya cipta serta kreativiti tinggi. Umpamanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato' Ishak Tambi Kecik, Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil dan lain-lain juga adalah antara golongan intelektual berketurunan *'Jawi Peranakan'*.

Di Pulau Pinang, dilihat dari sudut sosio-politik kaum peranakan ini juga telah banyak memperjuangkan kepentingan orang Melayu Pulau Pinang. Misalnya, Dr. K. M. Ariff, S. M. Aidid (berketurunan *'Jawi Peranakan'*) serta beberapa orang Melayu tempatan Pulau

Pinang telah menentang Gerakan Pengasingan satu gerakan yang dibuat oleh orang bukan Melayu bagi memisahkan Pulau Pinang daripada Tanah Melayu (Warta Negara, 11 Februari 1949).

Pada hari ini corak kehidupan harian kaum peranakan ini sedang mengalami perubahan yang dikatakan berpunca daripada berlakunya proses asimilasi dan amalgamasi. Namun, tidak ada kajian empirikal yang dibuat tentang budaya yang diamalkan oleh kaum peranakan ini pada masa kini. Terdapat anggapan daripada masyarakat Pulau Pinang yang berpendapat bahawa masih wujud sub-budaya⁶ dalam sistem kebudayaan kaum peranakan ini hingga masa kini. Ia dikatakan berpunca daripada perkahwinan campur antara lelaki India-Muslim dengan wanita Melayu. Dalam konteks ini timbulnya persoalan daripada manakah asal-usul kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang.? Apakah budaya sebenar kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada hari ini.? Apakah identiti sebenar kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada hari ini.?

Berdasarkan persoalan-persoalan yang ditimbulkan adalah tepat pada masanya untuk menjalankan satu kajian empirikal bagi mengisi kekosongan yang wujud. Kajian ini diharapkan dapat menambah kepada khazanah ilmu dalam membantu generasi alaf baru untuk memahami masyarakat ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang.

⁶Sub-budaya merupakan perbezaan cara hidup dalam sesuatu kelompok etnik. Kekuatan sesuatu sub-budaya itu pula bergantung kepada kelompok seperti berapa besar bilangan individu dalam kelompok yang mendokong sub-budaya itu. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Abdul Kadir Yusoff, Wan (1993: 1-10).

1.3: Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti asal-usul pembentukan kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang.
2. Meninjau riwayat hidup Kapitan Keling yang dikatakan sebagai pengasas kepada pembentukan golongan ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang serta susur-galur keturunannya.
3. Mengenalpasti budaya sebenar yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini.
4. Mengenalpasti identiti sebenar kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini.

1.4: Skop Kajian

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terbahagi kepada dua daerah, iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya (tidak termasuk Seberang Perai). Bagi memudahkan maklumat diperoleh mengenai budaya sebenar yang diamalkan dalam corak kehidupan sehari-hari kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini, Daerah Timur Laut dipilih sebagai lokasi kajian. Rasionalnya adalah, penyelidik dapat kebanyakannya daripada komuniti ini lebih ramai menetap di Daerah Timur Laut berbanding Daerah Barat Daya. Daerah Timur Laut pula terbahagi kepada beberapa kawasan dan mukim. Bagi memudahkan kajian dijalankan, penyelidik hanya memilih kawasan di Bandaraya George Town dan Jelutong. Lokasi kajian di Bandaraya George Town adalah di sekitar


Labuh Chulia dan Jalan Masjid Kapitan Keling, manakala lokasi kajian di kawasan Jelutong, adalah di sekitar Sungai Pinang (sila lihat Peta 1.1 di bawah).

1.5: Kerangka Teoritis

Kerangka teori amalgamasi, asimilasi, pilihan rasional dan *situational* akan digunakan dalam kajian etnogenesis ini. Kerangka teori-teori ini akan dijadikan sebagai model kajian dalam meninjau kehidupan kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini. Kaum ini dikatakan sedang mengalami perubahan budaya berpunca daripada berlakunya proses asimilasi dan amalgamasi sejak sekian lama dalam corak kehidupan sehari-hari mereka. Zainal Abidin (1996: 2) menyatakan bahawa melalui budaya, identiti sebenar sesuatu kaum itu dapat dikenalpasti.

Berry (1965: 247-273) dalam teori amalgamasinya mendapati, apabila terdapat dua atau lebih kaum yang tinggal dalam sesuatu tempat biasanya perkahwinan campur akan berlaku di antara kelompok minoriti dengan kelompok dominan. Perkahwinan seperti ini akan melahirkan satu keturunan baru yang mempunyai percampuran biologi dan dikenali sebagai keturunan peranakan. Hasil daripada itu akan wujud pertembungan budaya bagi generasi yang dilahirkan. Amalgamasi cuma boleh berlaku dengan syarat kumpulan dominan membernarkan dan menggalakkan kumpulan minoriti memasuki kumpulan mereka dan kumpulan minoriti sudi atau terpaksa berbuat demikian. Kedua-dua keadaan tidak selalunya berlaku dengan serentak.

PETA 1.1: Pulau Pinang



Nota: (1) Yang Bertanda Asterik (*) Merupakan Lokasi Kajian.

(2) Peta Tanpa Berskala

Sumber: Malaysia. (2001) *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim*. Kuala Lumpur; Jabatan Perangkaan Malaysia; m.s. 109

Proses amalgamasi mudah berlaku jika kumpulan dominan sanggup melepaskan kedudukan istimewa mereka dalam masyarakat. Apabila amalgamasi berlaku dengan sendirinya ia akan membawa kepada proses asimilasi bagi generasi yang dilahirkan. Secara relatif elemen-elemen budaya yang terdapat dalam sesuatu kaum seperti pakaian, bahasa, makanan, adat-resam, aktiviti sukan dan sebagainya dengan mudah dinikmati dan diamalkan oleh kumpulan berasimilasi. Begitu juga dengan elemen-elemen budaya yang tidak dapat dilihat melalui pancaindera seperti nilai-nilai dan norma-norma sosial, memori, sentimen, idea dan tingkah laku.

Berry (1965) telah memberikan beberapa proposisi yang boleh menyumbang kepada berlakunya proses amalgamasi, antaranya:

1. Bilangan anggota yang kecil.
2. Sesuatu masyarakat itu mudah diasimilasikan.
3. Kecenderungan yang tinggi oleh sesuatu komuniti itu untuk berkahwin di luar kelompok.
4. Ketidaaan kesedaran ras dan etnik yang kuat dalam sesuatu komuniti
5. Nisbah antara jantina tidak seimbang apabila berlakunya emigrasi.

Sementara itu Writh (1945: 347-372) dalam teori asimilasinya menjelaskan, terdapat pelbagai reaksi yang ditunjukkan oleh kelompok minoriti apabila mereka bertembung dengan kelompok dominan. Ada sebahagian daripada mereka dengan rela hati

menghilangkan sifat-sifat budaya asal mereka dengan berasimilasi⁷ ke dalam kelompok dominan. Sebahagian yang lain pula cuba mencari persamaan melalui pengasingan diri. Beliau membahagikan kelompok minoriti kepada empat jenis, iaitu majmuk, berasimilasi,⁸ beralih-ganti dan militan. Majmuk adalah kelompok yang mencari tolak ansur daripada kelompok dominan terhadap perbezaan kebudayaan. Dengan cara demikian semua bentuk kebudayaan boleh berkembang secara aman dalam masyarakat. Berasimilasi adalah kelompok yang bersedia menghilangkan kebudayaan asal mereka demi untuk mendapatkan persamaan kebudayaan dengan kelompok dominan. Beralih-ganti adalah kelompok minoriti yang bercita-cita dan cuba untuk hidup bebas daripada kelompok dominan. Manakala kelompok militan bukan sahaja cuba bebas daripada kelompok dominan tetapi mereka juga cuba menguasai kelompok dominan.

Keempat-empat jenis kelompok minoriti seperti yang diterangkan di atas menunjukkan perbezaan dalam arah penggerakan mereka. Terdapat kelompok minoriti yang bergerak ke arah pengasimilasian dengan kelompok dominan dan ada juga kelompok minoriti yang bergerak sebaliknya. Kelompok-kelompok majmuk, berasimilasi, beralih-ganti dan militan boleh dianggap sebagai peringkat lengkap dalam pusingan hidup kelompok minoriti. Kelompok berasimilasi adalah kelompok yang mengambil kesempatan sepenuhnya untuk terlibat dalam corak kehidupan masyarakat yang lebih besar.

⁷Dalam ilmu Sosiologi/Antropologi, ‘asimilasi’ dan ‘akulturası’ merupakan dua konsep yang berbeza. ‘Akulturası’ adalah fenomena yang terhasil apabila dua kumpulan yang mempunyai budaya yang berbeza bertembung di mana berlaku perubahan secara sedar atau tidak sedar pada pola-pola budaya asal kedua-dua kumpulan itu. Manakala ‘asimilasi’ adalah proses perubahan sosial yang melibatkan kehilangan identiti etnik kumpulan berasimilasi. Dengan kata lain, ‘asimilasi’ sering dikaitkan dengan perubahan secara total pada kumpulan yang diasimilasikan itu. Untuk keterangan lanjut tentang konsep ini, sila rujuk, Teo (1993: 7-10).

⁸Marger telah mengkategorikan asimilasi kepada empat dimensi, asimilasi budaya, asimilasi struktural, asimilasi biologikal dan asimilasi psikologikal. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Marger (1997).

Kelompok ini bergerak ke arah penerimaan kelompok dominan yang sepenuhnya supaya kelompok mereka bersebatи dengan kelompok dominan. Untuk mencapai peringkat penerimaan sepenuhnya, Writh menekankan kepada dua faktor, iaitu tolak ansur dan autonomi. Faktor-faktor ini mempengaruhi penerimaan dan penggabungan kelompok minoriti ke dalam kelompok dominan.

Van den Berghe (1981: 219) dalam teori asimilasinya telah mengenalpasti beberapa sebab terjadinya proses asimilasi ke atas kelompok minoriti. Pertama, proses ini berlaku atas dua kombinasi, iaitu adanya usaha yang ditunjukkan oleh kelompok minoriti untuk berasimilasi dalam kelompok dominan dan adanya penerimaan kelompok dominan ke atas usaha yang ditunjukkan oleh kumpulan berasimilasi. Wujud juga keadaan di mana sesetengah kelompok dominan enggan menerima kumpulan berasimilasi walaupun terdapat kumpulan berasimilasi itu yang sukar dibezakan budaya mereka dengan kelompok dominan merayu agar kelompok mereka diterima oleh kelompok dominan.

Kedua, keinginan berasimilasi hasil daripada dua keadaan yang bertimbang balas. Terdapat individu atau kumpulan yang ingin keluar daripada kelompok etnik mereka dengan tidak memilih suku kaum mereka (*kin selection*) dan ada yang semata-mata untuk mendapatkan keperluan-keperluan asas bagi meneruskan kehidupan mereka. Terdapat juga anggota-anggota dalam sesuatu kumpulan mempunyai kesedaran dan perpaduan yang tinggi dengan tidak memilih ke arah asimilasi, walaupun kumpulan mereka terdiri daripada kelompok minoriti. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh status sosial, terutamanya dari segi kedudukan ekonomi mereka.

Ketiga, adanya ketidaksamarataan (*unequal*) hubungan sosial antara satu kumpulan dengan kumpulan lain. Lebih tinggi ketidaksamarataan hubungan sosial lebih tinggi insentif kepada anggota-anggota dalam sesuatu kelompok minoriti untuk bergerak ke arah kelompok dominan. Jika arah pergerakan mereka tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada diri mereka, insentif ke arah pergerakan ini tidak akan berlaku ke atas kelompok minoriti Keempat dan yang terakhir, adanya kesanggupan kelompok minoriti untuk menghilangkan identiti mereka dan kesanggupan kelompok dominan untuk menerima kelompok lain. Tanpa kesanggupan ini proses asimilasi tidak akan berlaku melainkan dengan paksaan.

Van den Berghe (*ibid*: 218) telah memberikan beberapa proposisi ke arah berlakunya proses asimilasi.

- i. Lebih kuat persamaan *phenotypic* di antara kumpulan, lebih kuat berlakunya asimilasi. Ini disebabkan kelompok dominan lebih bersedia menerima kumpulan yang mempunyai perhubungan secara biologikal, di mana mereka ini lebih bersedia mematuhi nilai-nilai dan norma-norma yang sedia ada dalam kelompok dominan.
- ii. Lebih tinggi persamaan budaya di antara kumpulan lebih tinggi berlakunya proses asimilasi. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh dua perkara. Lebih tinggi persamaan budaya lebih mudah proses akulturasi berlaku dalam kelompok minoriti yang dianggap sebagai syarat awal ke arah berlakunya proses asimilasi. Lebih tinggi persamaan budaya dalam sesuatu kumpulan lebih bersedia kelompok

dominan menerima kelompok minoriti yang mempunyai perhubungan secara biologikal.

- iii. Kurangnya perhubungan di antara kumpulan yang lebih kecil dengan kumpulan yang lebih besar lebih mudah proses asimilasi berlaku. Ini disebabkan kumpulan yang lebih kecil sering menghadapi kekurangan sumber dan mereka sering bergantung kepada kumpulan yang lebih besar. Keadaan ini akan mendorong berlakunya perkahwinan campur dan merupakan faktor utama ke arah berlakunya tahap asimilasi lengkap dalam corak kehidupan generasi yang dilahirkan.
- iv. Kumpulan yang mempunyai status sosial yang lebih rendah lebih gemar untuk memilih asimilasi berbanding kumpulan yang terdiri daripada status sosial yang lebih tinggi. Ini disebabkan mereka akan mendapat keuntungan apabila mereka berasimilasi dengan kelompok dominan. Golongan atasan dan menengah daripada kelompok minoriti tidak gemar memilih untuk berasimilasi. Ini disebabkan mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan jika mereka berbuat demikian. Kelas pekerja yang mempunyai perbezaan etnisiti yang memilih akulturasi dan asimilasi dengan mudah boleh mengubah keadaan sosial mereka, dan ia merupakan dorongan utama kepada mereka untuk menghilangkan identiti asal mereka.
- v. Lebih berselerak sesuatu kaum dalam sesuatu kawasan lebih mudah berlakunya proses asimilasi, ini menyebabkan mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan jika mereka mengamalkan nepotisme.
- vi. Kumpulan emigran lebih gemar memilih untuk berasimilasi berbanding masyarakat tempatan. Ini disebabkan golongan emigran datang daripada kawasan geografi yang berbeza dan mereka tidak mempunyai ikatan etnik yang kuat.

Dalam teori pilihan rasional, Friedman dan Hechter (1988: 202) yang lebih menekankan kepada aktor dan sumber, mendapati untuk mendapatkan keperluan-keperluan asas, biasanya para aktor akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai keuntungan yang maksimum. Untuk memenuhi tuntutan mereka, biasanya seseorang individu akan membuat pilihan dengan rasional. Dalam menghadapi persaingan bagi mendapatkan sumber yang terhad, mereka terpaksa menempuh pelbagai halangan. Bagi mereka yang mempunyai sumber yang banyak, secara relatifnya pencapaian matlamat mereka adalah mudah. Sebaliknya, bagi mereka yang mempunyai sumber yang terhad, pencapaian matlamat mereka adalah terhad ataupun sukar untuk mendapatkan segala apa yang diinginkan. Oleh itu, mereka terpaksa membuat pilihan kedua yang terbaik. Dalam membuat pilihan ini biasanya mereka akan memikirkan sejauh manakah pilihan kedua itu dapat memberikan keuntungan yang maksimum kepada mereka.

Teori *situational* yang dihasilkan oleh Nagata (1974: 340-342), lebih menumpukan kepada perubahan identiti mengikut situasi yang berlaku ke atas suku kaum Muslim seperti Arab, India-Muslim, ‘*Jawi Peranakan*’ dan lain-lain suku bangsa yang terdapat di Pulau Pinang. Beliau menekankan tiga sebab utama kenapa keadaan ini boleh berlaku. Pertama adalah dari segi perpaduan dan perbezaan sosial. Kedua dari segi kepentingan individu. Ketiga dan terakhir dari segi status dan mobiliti sosial.

Dari segi perpaduan sosial, Nagata mendapati ada sesetengah daripada suku kaum Muslim di Pulau Pinang akan menggunakan persamaan kebudayaan mereka dengan kebudayaan kelompok dominan, iaitu orang Melayu. Sebaliknya, apabila suku kaum Melayu dikaitkan sebagai pemalas, tidak maju, ketinggalan zaman dan lain-lain yang

berhubung dengan pandangan negatif, biasanya mereka tidak mahu menganggap diri mereka sebagai Melayu (malah mereka akan berusaha untuk menunjukkan keunggulan suku bangsa mereka dengan membuat perbandingan dengan suku kaum Melayu, seperti “orang kita tidak sama dengan orang Melayu”).

Dalam aspek perbezaan sosial, Nagata mendapati ada sesetengah daripada suku kaum Muslim di Pulau Pinang menganggap diri mereka sebagai Melayu apabila mereka mendapati status sosial, ekonomi, kawasan kediaman dan sentimen orang Melayu menjadi penting. Sebaliknya, apabila mereka mendapati perkara-perkara ini tidak akan memberi apa-apa keuntungan kepada diri mereka, mereka akan kekal dengan identiti mereka. Ini dapat dilihat dari segi kawasan penempatan. Bagi masyarakat ini yang berkedudukan tinggi yang tinggal di kawasan bandar, biasanya mereka akan menganggap diri mereka sebagai Melayu. Oleh itu, bagi masyarakat mereka yang miskin yang tinggal di kawasan perkampungan, mereka menganggap golongan miskin ini adalah *keling*. Keadaan ini agak berbeza bagi masyarakat mereka yang berkedudukan tinggi yang tinggal di kawasan perkampungan. Walaupun mereka tinggal di kawasan perkampungan, biasanya mereka tidak mahu menganggap diri mereka sebagai Melayu. Malah mereka mempunyai perasaan keunggulan diri dengan membangga-banggakan suku bangsa mereka.

Dari segi kepentingan individu, Nagata mendapati perubahan identiti mengikut situasi ke atas suku kaum Muslim di Pulau Pinang berlaku disebabkan oleh keadaan sosio-politik dan kawasan kediaman. Untuk mendapatkan hak keistimewaan yang dinikmati oleh orang Melayu seperti pinjaman perniagaan, pelajaran dan sebagainya, biasanya mereka

akan menganggap diri mereka sebagai Melayu. Sebaliknya, untuk mendapatkan sesuatu jika ada kaitan dengan suku bangsa mereka, biasanya mereka akan kekal dengan identiti suku bangsa mereka. Begitu juga dalam aspek politik. Apabila kuasa politik berada dalam tangan mereka, biasanya mereka akan mengeksploitaskan hak keistimewaan orang Melayu. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan suku bangsa mereka sendiri. Dari segi kawasan kediaman, ada sesetengah daripada suku kaum Muslim di Pulau Pinang, terutamanya bagi mereka yang terdiri daripada golongan saudagar berada dalam dua kawasan kediaman. Ini disebabkan mereka mempunyai dua orang isteri. Seorang di negara sendiri dan seorang lagi di India. Apabila mereka berada dengan ahli keluarga mereka di negara sendiri, mereka akan menganggap diri mereka sebagai Melayu. Sebaliknya, apabila mereka berada dengan ahli keluarga mereka yang tinggal di India, mereka akan menganggap diri mereka sebagai India-Muslim.

Dari segi status sosial, Nagata mendapati perubahan identiti mengikut situasi boleh berlaku atas sebab-sebab perkahwinan campur, hubungan majikan dengan orang gaji, pekerjaan dan kemiskinan. Dalam aspek perkahwinan campur, lelaki India-Muslim yang berkahwin campur dengan wanita Melayu akan melahirkan satu keturunan baru yang dikenali sebagai '*Jawi Peranakan*'. Perkahwinan seperti ini, telah menyebabkan terbentuknya sub-budaya dalam corak kehidupan seharian generasi yang dilahirkan. Sistem penamaan anak suku kaum peranakan ini misalnya, berpunca daripada perkahwinan campur sistem penamaan anak mereka dikatakan ada persamaan dengan sistem penamaan anak suku kaum India-Muslim, iaitu 'A/K' (Anak Kepada). Ketika memohon untuk mendapatkan bantuan persekolahan, biasanya sistem penamaan anak mereka akan diubah daripada 'A/K' (Anak Kepada) kepada 'bin' atau 'binti' (walaupun

masih kekal ‘A/K (Anak Kepada) dalam Kad Pengenalan anak-anak mereka. Sebaliknya, apabila dalam keadaan terdesak, biasanya mereka akan berterus terang tentang suku bangsa mereka.

Dari segi hubungan majikan dengan orang gajinya yang juga terdiri daripada keturunan yang sama dengan majikannya. Berlaku keadaan di mana orang gaji yang bukan berasal daripada keturunan ‘Melayu jati’ mengidentifikasi dirinya sebagai Melayu. Walaupun bagaimanapun, perbezaan bangsa akan wujud apabila ia dikaitkan dengan status sosial antara majikan dengan orang gajinya. Ini disebabkan biasanya pihak majikan lebih gemar memilih orang gajinya yang terdiri daripada suku bangsa yang lain tetapi daripada agama yang sama. Ia bertujuan untuk menghindarkan apa-apa perkara yang berlaku dalam rumah tangga majikan diceritakan kepada orang lain. Dalam hal ini, biasanya pihak majikan lebih gemar memilih orang gajinya yang bukan terdiri daripada orang ‘Melayu jati’. Ini disebabkan adanya anggapan yang negatif ke atas orang gaji berbangsa ‘Melayu jati’. Bagi orang gaji berbangsa ‘Melayu jati’, mereka ini dikatakan malas dan tidak mungkin menjadi orang gaji yang rajin. Dalam situasi ini, untuk memohon pekerjaan sebagai orang gaji, biasanya walaupun orang yang ingin memohon pekerjaan itu terdiri daripada ‘Jawi Peranakan’ tetapi mereka tidak akan mengidentifikasi diri mereka sebagai Melayu. Sebaliknya, sekiranya pihak majikan mengambil orang gajinya yang terdiri daripada orang ‘Melayu jati’, pihak majikan pula akan menganggap diri mereka daripada keturunan Arab, walaupun mereka terdiri daripada kaum India-Muslim.

Dari segi pekerjaan, Nagata mendapati ada sesetengah daripada suku kaum Muslim di Pulau Pinang berusaha mengubah identiti mereka apabila ia dikaitkan dengan orientasi

pekerjaan. Bagi suku kaum India-Muslim, mereka ini dikatakan lebih berjaya dalam bidang perniagaan berbanding orang Melayu. Ini disebabkan perniagaan mereka lebih berorientasikan keuntungan dengan melakukan perkara-perkara yang menyeleweng. Dalam situasi ini, mereka akan menggunakan agama Islam bagi membezakan antara suku kaum mereka dengan suku kaum India yang beragama Hindu, apabila suku kaum India dituduh tidak mengikut lunas-lunas agama Hindu bagi mengaut keuntungan. Begitu juga dengan kaum Cina, apabila mereka membandingkan diri mereka dengan kaum Cina, suku kaum India-Muslim ini sanggup mengenepikan identiti *keling* mereka (yang bercakap dalam bahasa Tamil dan mendengar stesen radio bahasa Tamil) dan cuba menonjolkan identiti mereka sebagai Melayu dengan berkata “kita Melayu bukan macam tu, itulah sebabnya kita tidak boleh bersaing dengan orang Cina.”

Dalam aspek kemiskinan pula, beliau mendapati ada sesetengah daripada suku kaum Muslim di Pulau Pinang berusaha mengubah identiti mereka apabila ia dikaitkan dengan kemiskinan. Seorang perempuan yang berasal daripada keturunan Arab, dengan gelaran Sharifah, telah berkahwin dengan seorang penafik beca. Apabila beliau ingin memohon bantuan kewangan daripada tabung kebajikan, beliau tidak menggunakan gelaran Sharifah kerana kemiskinannya. Namun begitu, apabila beliau menziarahi kematian seorang Arab yang terkenal, beliau akan menonjolkan identitinya sebagai orang Arab dengan berkata, “Kami orang Arab telah menziarahi kematian.”

Dari segi mobiliti sosial, ia agak berbeza daripada status sosial seperti yang diterangkan di atas. Ini dapat dilihat ke atas kaum Cina-Muslim di Pulau Pinang. Suku bangsa ini dikatakan sukar bagi mereka untuk mengubah identiti mereka mengikut situasi. Ini

disebabkan adanya penolakan ke atas suku bangsa ini daripada suku kaum Muslim lainnya, terutamanya orang Melayu. Hal ini berlaku disebabkan adanya sentimen antara orang Melayu dengan bukan-Melayu dalam hal-hal politik dan ekonomi. Justeru, kaum Cina-Muslim ini dikatakan tersisih dengan kaum Muslim lainnya dan juga bangsanya sendiri. Bagi suku kaum ini, mereka tidak akan kembali kepada suku bangsa asal mereka, malah mereka akan mengekalkan tradisi warisan Islam mereka.

Daripada kerangka teori-teori di atas, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat pelbagai keadaan yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan budaya dan identiti ke atas sesuatu kaum. Justeru, apa yang akan diteliti ialah sejauh manakah teori-teori ini dapat dibuat generalisasi ke atas kebudayaan kaum ‘*Jawi Peranakan*’ di Pulau Pinang pada masa kini dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang.

1.6: Konsep-Konsep Asas

Penghuraian dengan lebih mendalam mengenai konsep-konsep asas yang terdapat dalam penyelidikan ini akan diterangkan di bawah ini. Ia bertujuan untuk menjelaskan maksud sebenar antara pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini.

1.6.1: Budaya

Tafsiran budaya dalam kajian ini akan menggunakan pendekatan deskriptif dan historikal. Pendekatan yang digunakan dianggap relevan dengan kajian bercorak etnogenisis. Ini disebabkan definisi yang diberikan akan dapat memberi gambaran tentang perkara-perkara yang terkandung dalam budaya seperti kepercayaan, adat resam dan sebagainya. Berdasarkan kajian-kajian lepas penyelidik dapati kajian-kajian seperti ini belum lagi diterokai oleh sarjana-sarjana tempatan. Keadaan ini menimbulkan kesukaran kepada penyelidik bagi mengenal pasti model kajian yang dianggap lebih sesuai atau yang telah digunakan oleh sarjana-sarjana lain untuk memberi definisi budaya dalam kajian seperti ini.

Secara umum, kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup masyarakat di alam ini.⁹ Tingkah laku manusia dapat dilihat dan difahami dalam konteks kebudayaan. Atas faktor inilah kebudayaan dianggap sebagai satu proses *humanisation* atau menjadikan manusia itu sebagai manusia. Ini menunjukkan kehidupan manusia amat bergantung kepada kebudayaan dan perkembangan manusia dibentuk oleh kebudayaan itu sendiri¹⁰ (Williams 1981: 13). Menyedari hakikat ini maka lahirlah falsafah pribumi yang disebut sebagai "biar mati anak jangan mati adat." Pada waktu lahir manusia tidak dapat mengurus dirinya, ia dibudayakan oleh manusia yang mengurus kebudayaan yang kelak mempengaruhi perspektif mentalnya. Manusia hidup dalam alam serba budaya dan

⁹Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Williams (1981:13).

¹⁰Melalui budaya sesuatu arahan sosial dapat disampaikan menerusi komunikasi, penghasilan semula (*reproduced*), pengamalan yang lalu dan penjelajahan (*explore*). Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Williams (*ibid*).

dalam budayalah manusia dibentuk, dibesarkan, memberi identiti sosial dan budayanya (Zainal Abidin Borhan 1996: 2). Boas (1966: 66-67) dan Kroeber (1952: 118-119) menegaskan: "budaya terdiri daripada proses belajar, perkongsian pengetahuan dan tingkah laku dalam sesuatu masyarakat". Lantaran itu, aspek kebudayaan tidak boleh disampaikan melalui faktor-faktor baka atau warisan.

Disebabkan budaya adalah satu konsep yang luas dan terlalu abstrak untuk diinterpretasikan. Wujud pelbagai definisi yang diberikan oleh ahli-ahli pemikir antropologi sosial tentang budaya.¹¹ Bagi mengenalpastinya, A.L. Kroeber dan Clyde Kluckhohn (1952) telah mengumpulkan lebih kurang 200 definisi tentang budaya (Abdullah Taib 1985: 2). Dalam kumpulan tersebut, secara umum budaya telah dikategorikan kepada beberapa pendekatan, antaranya deskriptif, historikal, normatif, psikologi, struktural dan ada juga pendekatan yang melihatkan budaya sebagai produk, alat-alat, benda-benda, ataupun idea dan simbol. Walaupun wujud pelbagai definisi mengenai budaya di bawah pendekatan-pendekatan tertentu, namun untuk memberi definisi budaya dalam tesis sarjana ini penyelidik akan fokuskan kepada dua pendekatan, iaitu pendekatan deskriptif dan historikal. Kedua-dua pendekatan ini dianggap relevan dengan kajian ini.

Dalam memberikan definisi budaya pendekatan deskriptif lebih menumpukan kepada isi kebudayaan. Perkara ini dapat dilihat dalam penulisan Tylor (1958: 1), yang mendefinisikan budaya sebagai:

¹¹Untuk melihat perbezaan definisi budaya, sila rujuk, Brooker (1999: 50-62), Melville & Bernhard (1955: 306) dan Mead (1955: 12).

“Keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya terkandung ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, hukum, moral, adat istiadat dan lain-lain kemampuan serta kebiasaan yang diterima oleh masyarakat.”

Manakala pendekatan historikal menumpukan kepada warisan sosial dan tradisi, seperti Park dan Burgess menegaskan (Zainal Abidin Borhan 1996: 1):

“Budaya sesuatu masyarakat adalah keseluruhan organisasi dari warisan sosial yang diterima sebagai sesuatu yang bermakna, yang dipengaruhi oleh watak dan sejarah hidup sesuatu bangsa.”

Keadaan ini menunjukkan terdapat pelbagai pendekatan mengenai budaya. Paul Willis menyatakan (Barker 2000: xx):

“‘Culture’ is a strange and capacious category. It’s one of those concepts, perhaps the best example, that we simply cannot do without it. It is used everywhere-but which is also very unsatisfactory and cries out for betterment. No one can define it exactly, say what it ‘really’ means. That’s partly why it’s so useful of course, because we can always say later we meant something slightly different whilst getting on for now saying something nearly right of great importance. So many things are contained in the word.”

Namun, perkara yang penting adalah budaya menjadi persoalan pokok mengenai manusia. Kebudayaan adalah produk manusia dan adanya kebudayaan kerana manusia.

Oleh itu, kebudayaan berpusat pada minda dan hati manusia. Seperti yang ditegaskan oleh Geertz (1973: 11), apa yang perlu dilakukan oleh manusia mengenai budaya adalah untuk mencari makna (*semiotic*) budaya. Manakala menurut Williams (1981: 11), kebudayaan merupakan aktiviti pemikiran manusia.

1.6.2: 'Jawi Pekan'

Zaharah (1972: 201) menyatakan bahawa, "adalah terlalu sukar untuk mengenalpasti bagaimana istilah 'Jawi Pekan' mula berkembang di Pulau Pinang." Beliau berpandangan, istilah ini mula digunakan oleh golongan Arab bagi merujuk kepada orang Melayu di Gugusan Pulau Melayu. Atas sebab-sebab inilah Vaughan dalam rencananya: "*Notes of the Malays of Penang and Province Wellesley*", telah memberikan pelbagai definisi tentang istilah 'Jawi Pekan'. Menurut Vaughan (1857: 137), kebanyakan orang Melayu luar bandar menggelarkan kaum ini sebagai 'Jawi Bukan' dan 'Jawi Pukan' ataupun 'Jawi Pekan'. Tujuan mereka adalah untuk membezakan orang 'Melayu Bandar' ataupun orang Islam yang bukan berasal daripada masyarakat Melayu tempatan.

Merujuk *Kamus Dewan* (1989: 482), istilah 'Jawi' bermaksud 'Melayu'. Jika istilah ini dicantumkan sebagai 'Jawi Pekan', maka sudah jelas menggambarkan maksud sebenarnya adalah 'Melayu Pekan'. Crawfurd (1820: 134) pernah menyatakan, definisi 'Jawi Pekan' adalah terlalu longgar ataupun terlalu kabur untuk didefinisikan. Oleh itu, menurut beliau kaum 'Jawi Pekan' bukan sahaja merujuk kepada kaum India Muslim yang dilahirkan di Tanah Melayu (suami/isteri berasal daripada India Muslim), malah ia juga merujuk kepada kaum peranakan yang terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara lelaki India-Muslim dengan wanita Melayu. Crawfurd turut juga menyatakan bahawa kaum peranakan ini dikenali sebagai 'Darah Campuran'.

Roolvink (1975) pula berpendapat, istilah 'Melayu' itu dalam zaman lampau kadangkala sinonim dengan istilah 'Jawi-Jawi' dalam erti peranakan 'Mestizo'. Oleh itu, beliau berpandangan negeri-negeri 'Melayu' yang terbina di Timur Sumatera, bahagian Utara seperti Perlak, Aru dan Samudera-Pasai yang terletak di wilayah yang didominasi oleh kelompok bukan suku Melayu mereka ini tidak mungkin berasal daripada orang 'Melayu jati.' Mereka ini mungkin terdiri daripada suku bangsa Acheh, Gayo dan suku bangsa lain di Utara Sumatera tetapi mereka menggunakan tulisan Jawi sebagai bahasa Melayu dan menggelarkan diri mereka sebagai orang 'Jawi' atau Melayu (Ismail Hussein 1990: 17).

1.6.3: '*Jawi Peranakan*'

Merujuk *Kamus Dewan* (1989: 482), '*Jawi Peranakan*' bermaksud orang yang berketurunan Melayu dan India. Istilah ini ada persamaan dengan pendapat Zaharah (1972: 201) seperti yang terdapat dalam rencananya bertajuk: "*The Population of Kedah in the Nineteenth Century*". Beliau menegaskan, sepanjang tahun 1860-an dan 70-an dengan meningkatnya keturunan baru pada generasi kedua dan ketiga melalui perkahwinan campur antara India-Muslim dengan wanita Melayu Pulau Pinang, maka istilah '*Jawi Pekan*' tidak lagi digunakan malah kaum peranakan ini lebih dikenali sebagai '*Jawi Peranakan*', iaitu kaum India-Muslim yang dilahirkan di Tanah Melayu (*local-born*) yang mempunyai darah campuran Melayu. Sejak itu, istilah '*Jawi Pekan*' tidak lagi digunakan dalam penggunaan harian. Vaughan menegaskan (1857: 137):

"The term '*Jawi Pekan*' was used throughout the nineteenth century by the British in Census categories and official correspondence,